

**TEKS UCAPAN**  
**YB MOHAMED HANIPA MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH**  
**PERTANDINGAN PENGHUJAHAN MAHKAMAH PERINGKAT**  
**KEBANGSAAN 2018**  
**18 NOVEMBER 2018**  
**AUDITORIUM TUN MOHAMED SUFFIAN, UNIVERSITI MALAYA**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera*

**SAPAAN**

1. Syukur alhamdulillah kerana dengan rahmat dan hidayah-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini untuk menjayakan Pertandingan Penghujahan Mahkamah Peringkat Kebangsaan 2018 anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka, Majlis Peguam Malaysia (MPM) dan Universiti Malaya.
  
2. Saya difahamkan, jalinan kerjasama antara DBP dengan MPM bukanlah perkara yang baharu kerana pada tahun 2011, DBP dan MPM telah menganjurkan Pertandingan Pidato Peguam dan Syarahan Memperkasakan Sistem Perundangan Negara melalui Bahasa Melayu. Bagi kerjasama ini pula, penganjurannya telah memasuki tahun ketiga dan diteruskan dengan peluasan jaringan kerjasama dengan pihak Universiti Malaya, syabas dan tahniah diucapkan.

Hadirin sekalian,

3. Objektif utama pertandingan ini diadakan adalah untuk memartabatkan dan meningkatkan penggunaan serta penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam bidang kehakiman dan undang-undang di negara ini. Hal ini selaras dengan objektif utama penubuhan DBP, untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya dapat digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang berkuat kuasa.
4. Kita sedia maklum bahwasanya bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia telah diperuntukkan di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Kita juga maklum bahawa Perlembagaan menjadi tonggak dan kayu ukur bagi semua undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen, Dewan-Dewan Undangan Negeri dan segala dasar kerajaan. Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 juga menetapkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa yang mesti digunakan bagi “urusan dan maksud rasmi” dan mengkehendaki supaya teks rang undang-undang dan akta Parlimen dan enakmen Dewan-Dewan Undangan Negeri disediakan dalam bahasa kebangsaan.
5. Malangnya, setelah lebih 60 tahun merdeka, kita masih dihimpit dengan isu debat sosial dan politik tentang kerelevanan bahasa Melayu sebagai identiti negara, bahasa rasmi dan bahasa ilmu di negara kita. Bahasa Melayu diperkotak-katikkan kedaulatannya. Seyogia, tempoh lebih 60 tahun ialah satu tempoh yang cukup matang untuk membentuk sebuah negara yang bersatu padu, kukuh dan mempunyai identiti negara yang jelas dan nyata.

6. Sejarah telah membuktikan kegemilangan bahasa Melayu suatu ketika dahulu. Bahasa Melayu pernah dijadikan bahasa pentadbiran, diplomasi, undang-undang, ilmu dan falsafah, perdagangan dan ketatanegaraan, bahkan diangkat sebagai *lingua franca* di Asia Tenggara pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Lantaran itu, kita harus bersikap positif melihat bahasa Melayu sebagai bahasa yang dinamis dan maju.
7. Hadirin sekalian, berbalik kepada isu penggunaan bahasa Melayu dalam bidang kehakiman dan undang-undang negara. Marcapada (dunia sekarang ini), penggunaan bahasa Melayu dalam bidang kehakiman dan undang-undang umpama peribahasa “melepaskan batuk di tangga”. Malah, bekas Ketua Hakim Negara, Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim pernah menegur penggunaan bahasa Melayu di mahkamah tidak sempurna kerana bercampur antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, umpama sekerat ular, sekerat belut.
8. Kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa mahkamah Malaysia tidak boleh dipertikaikan lagi. Penggunaannya dari segi urusan pentadbiran, seperti surat pekeliling dan surat-menyurat mahkamah, perlu mengikut peraturan yang telah diwartakan dalam Perlembagaan.
9. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa Melayu dalam bidang kehakiman dan perbicaraan masih lagi kurang memuaskan kerana masih terdapat perbicaraan yang dikendalikan dalam bahasa

Inggeris. Alasan yang diberikan adalah kerana kekurangan serta kejadian istilah perundangan dan ketiadaan kamus rujukan dalam bahasa Melayu. Selain itu, latar pendidikan perundangan yang kebanyakannya diperoleh daripada institusi yang tidak menerapkan bahasa Melayu dalam pengajaran juga menjadi alasan utama isu ini.

10. Sebagai sebuah badan berautoriti, DBP telah menghasilkan kamus istilah undang-undang yang boleh dicapai terus melalui laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu DBP (PRPM). Laman ini dapat dijadikan tempat rujukan berhubung istilah bahasa Melayu dalam bidang perundangan dan bidang-bidang lain.
11. Usaha melestarikan dan memartabatkan bahasa Melayu di negara kita bukannya terletak di bahu DBP sahaja tetapi perkara ini menjadi tanggungjawab kita bersama-sama dalam memastikan bahasa Melayu tidak terkubur ditelan zaman seperti bahasa-bahasa lama yang lain.
12. Kesemua ini berpucuk pangkal daripada jati diri kita sendiri. Bahasa jiwa bangsa Malaysia. Apabila bahasa sesebuah ketamadunan diperkotak-katikkan, maka robohlah citra negara tersebut.
13. Akhirul kalam, tahniah dan syabas kepada Jawatankuasa Pelaksana pertandingan yang telah bertungkus-lumus memastikan pertandingan ini berjalan dengan lancar. Semoga kerjasama seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

(PANTUN)

Akar keladi melilit selasih,  
Selasih tumbuh di hujung laman;  
Jalinan kerjasama mengerat kasih,  
Mesra berlabuh sepanjang zaman.

14. Dengan lafaz *bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan Majlis Penutupan Pertandingan Penghujahan Mahkamah Peringkat Kebangsaan 2018.

Sekian, terima kasih.